

# Mengongsi Gambar dan Reputasi Kamu

Periksalah diri dengan menggunakan situasi-situasi berikut.

## SITUASI #1

Kamu ialah pengurus bagi sebuah syarikat yang maju, dan kamu ingin mengupah beberapa orang muda. Memandangkan mereka akan mewakili kamu dan syarikat kamu, kamu ingin mereka berkelakuan baik.

Sekarang, bayangkan seorang kawan baik kamu ingin bekerja di syarikat kamu. Di bawah, senaraikan nama kawan yang akan kamu upah.



Nama: \_\_\_\_\_

Kemudian, layarilah akaun kawan itu untuk memeriksa gambar-gambar dan komen-komen di sana, lalu jawablah soalan-soalan berikut:

Adakah dia akan membina atau merosakkan reputasi syarikat saya?

Berdasarkan pemerhatian saya, adakah saya akan mengupahnya?



## SITUASI #2

Kamu akan menghadiri suatu temu duga kerja di sebuah syarikat yang maju. Pemilik syarikat itu ingin mengupah beberapa orang muda. Memandangkan orang yang diupahnya akan mewakili dia dan syarikatnya, dia ingin mereka berkelakuan baik.

Jika kamu dibenarkan mengongsi gambar dalam Internet, layarilah akaun kamu dan —dengan jujur—tulislah pandangan bakal majikan itu tentang kamu jika dia melayari akaun kamu.



Gambar-gambar yang dikongsi boleh mempengaruhi pandangan orang terhadap kamu. Contohnya, lelaki dalam gambar di atas mungkin dianggap sebagai seorang yang:

- A.** Berani
- B.** Bodoh

Bagi setiap gambar, tulis dua pandangan yang berbeza tentang reputasi orang tersebut.



- A.** \_\_\_\_\_
- B.** \_\_\_\_\_



- A.** \_\_\_\_\_
- B.** \_\_\_\_\_